



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

MEI 2026

MAY 2026



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**

**INDEKS HARGA PENGGUNA
MEI 2026
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Indeks Harga Pengguna meningkat 0.1 peratus bagi bulan Mei 2026

Perbandingan bulan Mei 2026 dan Mei 2025

1. Bagi bulan Mei 2026, Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 0.1 peratus berbanding bulan Mei 2025, terutamanya didorong oleh peningkatan sebanyak 1.2 peratus bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan. Manakala, indeks Bukan Makanan mencatatkan penurunan sebanyak 0.2 peratus.
2. Peningkatan indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga-harga Ikan dan Makanan Laut (4.0 peratus), terutamanya ikan segar dan udang; Daging (2.4 peratus), khususnya ayam segar; dan Buah-Buahan (3.6 peratus).
3. Bagi indeks Bukan Makanan, penurunan adalah terutamanya disumbangkan oleh harga-harga Perhubungan (3.4 peratus), khususnya pakej perkhidmatan internet; Rekreasi dan Kebudayaan (1.0 peratus), iaitu kos langganan bulanan penstriman media atas talian; dan Pakaian dan Kasut (1.5 peratus).

Perbandingan bulan Mei 2026 dan April 2026

4. Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Mei 2026 menurun sebanyak 0.1 peratus berbanding bulan April 2026, terutamanya didorong oleh penurunan sebanyak 0.2 peratus bagi indeks Bukan Makanan. Manakala, indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 0.1 peratus.
5. Penurunan indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh harga-harga Pakaian dan Kasut (3.0 peratus); Pengangkutan (0.5 peratus); dan Rekreasi dan Kebudayaan (0.3 peratus). Manakala, peningkatan indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga-harga Buah-Buahan (1.1 peratus); Beras dan Bijirin (0.4 peratus); dan Daging (0.3 peratus).
6. IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Mei 2026 boleh didapati di laman sesawang JPES dalam <https://www.deps.gov.bn/>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS

CONSUMER PRICE INDEX
MAY 2026
BRUNEI DARUSSALAM

Consumer Price Index increased by 0.1 per cent in May 2026

Comparison of May 2026 and May 2025

1. *In May 2026, the Consumer Price Index (CPI) increased by 0.1 per cent compared to May 2025, mainly driven by a 1.2 per cent increase in the Food and Non-Alcoholic Beverages index. Meanwhile, the Non-Food index recorded a decrease of 0.2 per cent.*
2. *The increase in the Food and Non-Alcoholic Beverages index was primarily driven by an increase in prices of Fish and Seafood (4.0 per cent), particularly fresh fish and prawns; Meat (2.4 per cent), specifically fresh chicken; and Fruits (3.6 per cent).*
3. *As for the Non-Food index, the decrease was mainly contributed by the prices of Communication (3.4 per cent), particularly internet service packages; Recreation and Culture (1.0 per cent), specifically online media streaming monthly subscription cost; and Clothing and Footwear (1.5 per cent).*

Comparison of May 2026 and April 2026

4. *On a month-on-month basis, the CPI in May 2026 decreased by 0.1 per cent, compared to April 2026, mainly driven by a 0.2 per cent decrease in the Non-Food index. Meanwhile, the Food and Non-Alcoholic Beverages index increased by 0.1 per cent.*
5. *The decrease in the Non-Food index was attributed to falling prices of Clothing and Footwear (3.0 per cent); Transport (0.5 per cent); and Recreation and Culture (0.3 per cent). Meanwhile, the increase in Food and Non-Alcoholic Beverages index was mainly driven by the rise in prices of Fruits (1.1 per cent); Rice and Cereals (0.4 per cent); and Meat (0.3 per cent).*
6. *The CPI is a measure of price changes of a fixed basket of goods and services purchased by consumers in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for May 2026 is available from DEPS's website at <https://www.deps.gov.bn/>.*